

# SIARAN MEDIA

## PELAKSANAAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TERUS DIPERKASAKAN BAGI RAKYAT SABAH

**KUALA LUMPUR, 20 Mac 2023** - Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited untuk memastikan bekalan Rumah Mampu Milik di negeri Sabah khususnya bagi golongan berpendapatan rendah mencukupi bagi memenuhi keperluan dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Ini terbukti melalui pelaksanaan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah yang setakat ini merupakan bilangan terbesar di seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 38 projek melibatkan 26,099 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 34 projek PPR melibatkan sejumlah 23,509 unit telah siap dibina manakala empat (4) projek PPR lagi melibatkan 2,590 unit masih dalam pembinaan. Ini adalah selaras dengan hasrat agenda pemilikan rumah di Malaysia yang sentiasa memberikan tumpuan kepada akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Projek PPR Batu Putih, Sandakan merupakan salah sebuah projek PPR yang sedang dalam proses pengisian. Projek PPR Batu Putih yang terdiri dari 900 unit rumah ini telah siap dibina dan diserahkan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Sabah pada 28 November 2019. Namun, PPR Batu Putih ini tidak dapat dibuat pengisian lebih awal disebabkan kerja-kerja pembaikan sedang dilaksanakan susulan penggunaannya sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (COVID-19).

Berdasarkan maklumat terkini dari pihak KKTP Sabah, surat tawaran pengisian kepada pemohon yang berjaya dijangka akan dikeluarkan pada penghujung bulan Mac 2023 dan pengisian fasa pertama PPR ini akan dibuat pada bulan April 2023.

*#StrongerTogether*  
*#UnityInDiversity*  
*#DemiPertiwi*  
*#MalaysiaMADANI*

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*